

Headline	Pastikan kelestarian habitat klip-klip terus terpelihara		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	12 Feb 2019	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	NEWS	Page No	21
ArticleSize	297 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,241		



Pastikan kelestarian habitat klip-klip terus terpelihara

TAIPING - Kerajaan negeri akan lakukan pembangunan infrastruktur secara terancang di Kampung Dew bagi pastikan kelestarian habitat klip-klip terus terpelihara.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, sebagai lokasi pelancongan, prasarana di kawasan itu perlu ditambah baik agar seiring dengan kemashyuran klip-klipnya.

"Kalau boleh kita mahu bukan sahaja keindahan klip-klip yang dihargai pelancong, tetapi kemudahan yang ada juga jadi buah mulut mereka.

"Pastinya, kita tidak akan bawa pembangunan moden seperti resort atau

hotel lima bintang secara tergesa-gesa, ianya lebih kepada kerjasama dengan penduduk setempat, kalau kita ada homestay, kita perlu cari jalan ia boleh beri perkhidmatan yang baik," katanya selepas merasmikan Program Lestari Komuniti dan Alam Sekitar Kampung Dew, kelmarin.

Menurutnya, meskipun Kampung Dew sudah lama dikenali sebagai lokasi pelancongan klip-klip, pihaknya merasakan usaha mempromosikan kawasan itu perlu ditingkatkan.

"Dalam keadaan apa juga, kita akan perkemaskan promosi.

"Tambah pula, penduduk sini dan sekitarnya sudah lama memanfaatkan keistimewaan kawasan ini dengan



Pelepasan benih ikan di Sungai Sepetang antara aktiviti dilakukan sempena Program Lestari Komuniti dan Alam Sekitar Kampung Dew, kelmarin.

menjadikan kegiatan pelancongan sebagai sumber pendapatan," katanya.

Kampung Dew antara tiga lokasi baharu yang terpilih dalam program pemuliharaan

koloni klip-klip dijalankan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersama pakar penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Mengulas lanjut, Ahmad

Faizal berkata, kerajaan negeri sentiasa mengamalkan dasar pintu terbuka terhadap mana-mana pihak yang berkongsi aspirasi sama bagi memberi nilai tambah terha-

dap lokasi serta produk-produk pelancongan yang terdapat di negeri ini.

Namun katanya, seboleh-bolehnya pihak terbabit tidak hanya datang dengan idea kitar semula sebaliknya idea segar yang benar-benar mampu memberi kelainan dan tambah-nilai kepada daya tarikan sedia ada.

Sementara itu, Pengerus Besar Bahagian Penjanaan dan Alam Sekitar TNB Research Sdn Bhd, Dr Mohd Harifin Boosroh berkata, selepas hampir dua tahun kerja-kerja penyelidikan dilaksanakan di situ, didapati bahawa populasi klip-klip di sepanjang Sungai Sepetang dalam keadaan stabil.